

Headline	UniKL juara baharu hoki Piala TNB		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	11 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	23
ArticleSize	327 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 22,101		



UniKL juara baharu hoki Piala TNB

KUALA LUMPUR 10 Feb. - University Kuala Lumpur (UniKL) mencipta sejarah apabila muncul juara Piala TNB untuk julung kalinya selepas menumpaskan Pasukan Hoki Kuala Lumpur 4-3 menerusi penalti *shootout* dalam perlawanan akhir di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil hari ini.

Kedua-dua pasukan sebelum itu terikat 1-1 yang menyebabkan keputusan terpoaksa ditentukan menerusi *shootout*.

"Ini adalah kemenangan bersejarah dan sebenarnya kami sepatutnya menang dalam permainan masa sebenar," kata jurulatih UniKL, A. Arul Selvaraj.

"Pemain-pemain daripada kedua-dua pasukan memang wajar mendapat pujian kerana mempamerkan mutu permainan yang tinggi dalam perlawanan ini.

"Kemenangan ini membolehkan saya bertukar angin dan mungkin melihat pilihan lain kerana saya telah memenuhi apa yang dimahukan.

"Saya sentiasa yakin bahawa kami mampu melakukannya walaupun jika kami terpaksa menghadapi *shootout*," katanya.

Kedua-dua pasukan mengambil masa beberapa minit awal untuk mendapatkan rentak.



PEMAIN-PEMAIN UniKL merayakan kejayaan mereka menjuarai Piala TNB selepas menewaskan KLHC dalam perlawanan akhir di Stadium Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

UniKL kemudian mendapat tiga pukulan penalti sudut namun kesemuanya gagal menembusi kawalan penjaga gol Roslan Jamaluddin.

KLHC turut mendapat dua sudut penalti sudut tetapi pemain dari Korea Selatan, Jang Jong-hyun gagal membuat pukulan kerana pertahanan UniKL pantas

menutup ruang.

UniKL kemudian mendahului pada minit ke-33 menerusi pukulan kilas Glenn Turner yang menerima bola daripada pemain pertahanan Sander De Wjin.

KLHC kemudian mendapat gol penyamaan apabila penalti sudut mereka menghasilkan penalti strok

setelah Izwan Firdaus mengasari Harvinder Singh dan Jong-hyun tidak berdepan masalah untuk menyempurnakan pukulan pada minit ke-36.

Kedua-dua pasukan mendapat beberapa penalti sudut lagi namun gagal menyempurnakannya yang memaksa pemenang ditentukan menerusi *shootout*.